


# MAJLIS HI- TEA PENDAFTAR BERSAMA ALUMNI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM) PEGAWAI TADBIR



Pusat Pembangunan Alumni Universiti Sains Malaysia (USM) dengan sukacitanya telah menganjurkan Majlis Hi-Tea Alumni Pegawai Tadbir USM bertempat di Dewan Banquet, Canselorii II, baru-baru ini.

Majlis penuh mesra itu turut meraikan YBrs. Encik Mohd Azizudin Bin Mohd Shariff, Pendaftar USM yang juga alumni USM tahun 1997 dalam bidang Sarjana Muda Teknologi (Pusat Pengajian Teknologi Industri).

Seramai 80 orang pegawai hadir memeriahkan majlis sebagai tanda penghargaan atas komitmen dan sumbangan mereka kepada universiti. Pada majlis berkenaan, Pendaftar turut menerima cenderahati kenang-kenangan daripada warga kerja Pusat Pembangunan Alumni USM.

Penganjuran ini bukan sahaja mengeratkan hubungan sesama alumni, malah memperkukuh jalinan kerjasama antara Pendaftar dan barisan pentadbiran USM. Ia diharap dapat menjadi medium inspirasi dan pemangkin semangat dalam kalangan alumni, sekali gus memperkukuh ikatan silaturahim serta komitmen bersama dalam menjayakan aspirasi universiti.



# BACK TO CAMPUS @ 60'S IMBAU KENANGAN, UKIR JALINAN ALUMNI PELAJAR USM TAHUN 1985-1990

Pada 31 Ogos 2025 yang lalu, seramai 119 alumni Universiti Sains Malaysia batch 1985-1990 kembali ke kampus selepas 36 tahun, menyertai program Back to Campus @ 60's anjuran alumni dengan kerjasama Pusat Pembangunan Alumni, BHEPA dan GAPP.

Program tiga hari di Kompleks Cahaya Siswa pada 29 Ogos hingga 31 Ogos merangkumi majlis bacaan Yassin, sukaneka, lawatan kampus dan kemuncaknya Majlis Makan Malam Alumni di AC Hotel Pulau Pinang.

Naib Canselor USM, Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed menzahirkan penghargaan kepada penganjur serta menekankan peranan alumni sebagai rakan strategik dan duta universiti.

Dalam majlis tersebut, alumni turut menyumbang RM11,000 kepada tabung universiti bagi membantu pelajar B40.

Turut hadir, Encik Mohd Ali Mohd Salleh iaitu Pengerusi Back to Campus @ 60, Prof. Dr. Azlan Amran yang menjalankan fungsi TNC HEP & Alumni, Prof. Dr. Azizah Omar iaitu Pengarah Pusat Pembangunan Pelajar BHEPA, wakil Persatuan Alumni USM, pegawai serta staf Pusat Pembangunan Alumni.



## Connect Us:



Penulis: Suraya Shazlin  
Penyunting: Ahmad Wafi  
Foto: USM